

B A B
K E T I G A

Metodologi bererti 'ilmu tentang cara mengadakan penelitian'.¹

Metodologi berasal dari bahasa Yunani iaitu 'metodos' yang bererti cara atau jalan dan 'logos' yang bererti ilmu.² Oleh itu metodologi bererti ilmu tentang cara. Dalam pengkajian ilmiah, metodologi adalah penting kerana ia merupakan cara kerja yang menjadi sasaran perincian atau kajian. 'Mutu sesuatu kajian itu dikira tinggi dan bermutu sekiranya metod yang digunakan menepati dengan objek yang ditujunya'.³

Menyedari tentang pentingnya metod d a l a m sesuatu kajian, penulis telah menggunakan beberapa m e t o d dalam kajian ini. Metod-
metod tersebut adalah seperti berikut:

- a. Metod Pengumpulan Data
- b. Metod Penulisan dan Analisa Data

Penulis telah pun menghuraikannya secara ringkas t e n t a n g metodologi dalam bab I. Berikut adalah huraian yang lebih mendalam tentang metod-metod tersebut dan penggunaannya dalam penulisan ini.

¹ Imam Barnadib, Arti dan Metode Sejarah Pendidikan, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP - IKIP. 1982, m.s. 51.

² Koetjaraningrat (Ed), Metode - metode Penelitian Masyarakat, Jakarta: Yayasan Penerbitan P.T Gramedia. 1986, m.s. 7.

³ Abdul Halim Mat Diah, Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, Disartasi Doktor (IAIN) Sunan Kalijaga, Yogyakarta., 1986, m.s. 101.

3.1 Metod Pengumpulan Data

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data yang diperlukan, beberapa metod tertentu telah digunakan. Metod-metod tersebut adalah seperti berikut:

- a. Metod Historis
- b. Metod Dokumentasi
- c. Metod Interview
- d. Metod Soalselidik

3.1.1 Metod Historis

Metod Historis bererti 'suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian'.⁴ Penggunaan metod ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai sejarah.

Penggunaan metod historis dalam penulisan ini digunakan dalam usaha untuk mendapatkan data mengenai:

- a. Sejarah pengumpulan dan penulisan hadīth s e j a k zaman Rasulullah s.a.w sehingga zaman pentashīhan dan penapisannya termasuklah peranan beberapa negara Islam d a l a m penyebaran hadīth di zaman selepasnya. Data-data ini disusun dalam bab II.
- b. Sejarah pengajian hadīth di Malaysia sebagaimana y a n g dimuatkan dalam bab IV

⁴Imam Barnadib, op.cit., m.s. 52.

3.1.2 Metod Dokumentasi

Selain dari metod historis, penulis menggunakan metod dokumentasi. Metod dokumentasi bererti 'c a r a pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti'.⁵ Dokumen memberi erti 'benda yang tertulis yang dapat memberi berbagai macam keterangan'.⁶ Prof. Imam Barnadib dalam bukunya Arti dan Metode Sejarah Pendidikan menyatakan 'dokumen terdiri di antara lain ialah gambar, potret, kumpulan hukum, peraturan-peraturan, keputusan pengadilan dan sebagainya'.⁷

Dalam penulisan ini, penulis memperolehi dokumen-dokumen dari sumber berikut:

- a. Al-Qur'ān dan Hadīth. Kedua-dua sumber ini digolongkan sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber y a n g tertulis dan terjamin keasliannya.⁸ I a digunakan sebagai menguatkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan.
- b. Buku-buku dan bahan-bahan bertulis seperti suratkhobar, majalah, jurnal dan lapuran-lapuran. Dokumen-dokumen ini diperolehi dari beberapa buah perpustakaan s e p e r t i

⁵ Imam Barnadib, op.cit., m.s. 55

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

⁸ Abdul Halim Mat Diah, op.cit., m.s. 116.

Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Majalah Berjilid Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Akademi Islam Nilam Puri dan Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut, penulis dapat mengumpulkan data mengenai:

- a. Segala perkara yang berkaitan dengan pengumpulan dan penulisan hadīth yang terdapat dalam bab II.
- b. Metodologi dalam bab III.
- c. Segala data berkaitan dengan tokoh-tokoh hadīth di Malaysia serta rumusan masalah dalam bab IV.

3.1.3 Metcd Interview

Metod ini bertujuan untuk mendapatkan 'k e t e r a n g a n atau pendirian secara lisan dari seseorang responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka dengan orang itu'.⁹ Metod ini amat penting dalam mendapatkan data-data mengenai penerbitan hadīth di Malaysia. Penulis telah melakukan beberapa interview terhadap orang yang terlibat secara langsung dalam penerbitan hadīth.

Para informen dan responden y a n g dapat diinterview adalah terdiri daripada senarai yang berikut:

⁹Koentjaraningrat, op.cit., m.s. 162.

- a. En. Abdul Malek Moghee, Pengurus Pemasaran HIZBI
- b. Ustaz Abdul Wahab Abdul Jalil, Bahagian Penerbitan Yayasan Dakwah Islamiyyah (YADIM)
- c. Tuan Hj. Azmi Mahmood, Pengurus Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu Kelantan.
- d. En. Kamaluddin Ibrahim, Pengurus Thinker's Library Sdn. Bhd.
- e. En. Isnin Abu, Pengurus Penerbitan Dewan Pustaka Islam.
- f. Ustazah Rosmiyati Harun, Bahagian Penyelidikan Al-Qur'ān dan Sunnah, Pusat Islam.
- g. Ust. Salleh Jaefar, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam (caw. penerbitan) Jabatan Perdana Menteri.
- h. Ustaz Uthman Abdul Karim, Pengurus Darul Fikri Kuala Lumpur.

Metod ini banyak digunakan untuk mendapatkan data pada bab IV. Senarai lengkap para informen dan responden yang diinterview boleh di lihat dalam Lampiran C.

3.1.4 Metod Soalselidik

Metod soalselidik atau 'questionnaire' ialah cara pengumpulan data dengan menyediakan soalan - soalan bertulis atau 'd a f t a r pertanyaan untuk mendapatkan data berupa jawapan-jawapan dari para responden'.¹⁰ Metod ini penting dalam penyelidikan untuk menentukan sikap atau pandangan umum dalam suatu masyarakat atau responden yang terlibat.

¹⁰ Ibid., m.s. 215.

Penulis telah menggunakan m e t o d ini dalam membentangkan laporan penyelidikan di bab IV. Dalam hal ini, p e n u l i s telah mengedarkan sejumlah 15 borang soalselidik k e p a d a bahagian penerbitan. Walau bagaimanapun hanya 12 daripada borang - borang tersebut diberi maklum balas.

Sebahagian daripada soalselidik diedarkan m e l a l u i pos manakala sebahagian yang lain diisi di hadapan responden iaitu ter-utamanya bagi kawasan persekitaran Wilayah Persekutuan dan Shah Alam. Contoh soalselidik ini boleh dilihat dalam Lampiran D.

3.2 Metod Analisa Data dan Penulisan

Setelah semua data-data yang diperlukan terkumpul melalui metod-metod yang disebutkan di atas, ianya perlu diolah dan dianalisa sebelum sesuatu kesimpulan dibuat. Dalam membuat penganalisaan d a n penulisan, penulis menggunakan beberapa metod:

- a. Metod Induktif
- b. Metod Deduktif
- c. Metod Komparatif

3.2.1 Metod Induktif

Metod induktif ialah cara menganalisa data melalui ' p o l a berfikir yang mencari pembuktian d a r i hal - hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang umum'.¹¹ Ianya juga boleh dikatakan sebagai menganalisa sesuatu y a n g bersifat khusus untuk

kesimpulan yang bersifat umum.

Penggunaan metod ini digunakan o l e h penulis dalam bahagian-bahagian berikut:

- a. Latarbelakang masalah dan pengertian tajuk dalam bab I.
- b. Landasan teori dalam bab II.
- c. Membuat lapuran kajian dalam bab IV.
- d. Membuat kesimpulan-kesimpulan dalam bab V.

Dalam penulisan tentang latarbelakang masalah dalam bab I, penulis menggunakan metod induktif dengan cara membentangkan hal-hal yang berkaitan dengan hadīth dan penerbitannya dengan menyentuh tentang fungsi hadīth dan peranan bahagian penerbitan d a l a m menyebarkan-nya. Penulis juga menggunakan metod ini dalam membentangkan pengertian tajuk. Penulis menghuraikan satu persatu istilah yang digunakan pada tajuk iaitu 'Usaha-usaha Penerbitan Hadith di Malaysia', seterusnya penulis membuat kesimpulan umum dari pengertian tersebut.

Penulis telah merumuskan beberapa perkara secara u m u m dalam rumusan masalah bab I. I n i dibuat berpandukan beberapa masalah yang berkaitan dengan penerbitan hadīth.

Dalam bab IV, penulis banyak menggunakan metod ini terutamanya dalam membentangkan masalah yang dihadapi oleh p i h a k penerbit.

¹¹ Imam Barnadib, op.cit., m.s. 52.

Penulis telah memilih beberapa bahagian penerbitan di kawasan Wilayah Persekutuan dan beberapa tempat di Kelantan dan Terengganu.

Dalam bab V pula, penulis membuat kesimpulan u m u m dengan terlebih dahulu menyajikan kesimpulan-kesimpulan berbentuk k h u s u s berdasarkan permasalahan yang menjadi objek penelitian.

3.2.2 Metod Deduktif

Di samping metod induktif, penulis menggunakan metod deduktif untuk membuat analisa data dan penulisan. Metod deduktif bererti cara menganalisa dan melakukan penulisan berdasarkan kepada 'pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus'.¹²

Penulis menggunakan metod ini dalam b a b IV dalam menganalisa data yang diperolehi dari penerbit-penerbit hadith untuk menghasilkan beberapa saranan dan komentar tentang usaha-usaha mereka.

3.2.3 Metod Komparatif

Di samping metod induktif dan deduktif, metod komparatif juga digunakan untuk menganalisa data d a n membuat penulisan. Metod ini diertikan sebagai cara membuat 'k e s i m p u l a n dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dibuat'.¹³ Segala data dan maklumat yang diperolehi

¹²Ibid.,.

¹³Abdul Halim Mat Diah, op.cit., m.s. 136.

82
dikumpulkan kemudian dibuat perbandingan s e c a r a adil. D a r i perbandingan itu dibuat beberapa kesimpulan.

Penggunaan metod komparatif ini terdapat dalam b a b IV dalam menganalisa tentang usaha-usaha para penerbit hadīth dalam menerbitkannya. Penulis telah membuat perbandingan mengenai usaha-usaha yang dijalankan oleh perbagai penerbit. H a s i l dari perbandingan - perbandingan itu, penulis membuat kesimpulan-kesimpulan. D a l a m kesimpulan ini, penulis merumuskan sama ada tahap pengeluaran hadīth sudah mencukupi dan sesuai dengan permintaan masyarakat a t a u sebaliknya.

3.3 Kesimpulan

Melalui penggunaan metod-metod yang diterangkan ini, penulis merasakan penulisan dan penganalisaan dapat dibuat dengan lebih mudah dan teratur seterusnya dapat melahirkan natijah yang positif. Ia juga amat sesuai digunakan bagi penulisan yang berbentuk ilmiah seperti ini.